

21 APR 2001

Umno-Pemilihan (Beruas)

HAMDI ABU BAKAR KEKAL KETUA UMNO BAHAGIAN BERUAS

BERUAS, 21 April (Bernama) -- Datuk Hamdi Abu Bakar mengekalkan jawatan sebagai Ketua Umno Bahagian Beruas menewaskan Datuk Abdul Malek Ahmad pada pemilihan Umno Bahagian itu di sini hari ini.

Hamdi mendapat 131 undi, manakala Malek 75 undi. Dua undi rosak.

Timbalan Ketua dimenangi Maher Afandi Harun yang mengekalkan jawatannya menewaskan Mohd Ali Mansor.

Maher mendapat 127 undi dan Ali 77 undi dengan empat undi rosak.

Manakala jawatan Naib Ketua dua calon Shukur Ismail dan Abdul Manaf Hashim masing-masing mendapat 63 undi. Undian semula dijalankan sekali lagi bagi menentukan pemenang malam ini.

Calon-calon lain untuk jawatan naib ketua ialah Adnan Jaafar (38 undi) dan Hasnan Taib (43).

DI JITRA: Bekas Menteri Besar Kedah, Tan Sri Osman Arof mengekalkan jawatan Timbalan Ketua Umno bahagian Kubang Pasu pada pemilihan Umno bahagian itu hari ini.

Beliau yang memperolehi 199 undi menewaskan pencabarnya, Datuk Saad Man yang mendapat 178 undi. Sebanyak 14 undi rosak.

Jawatan naib ketua yang dikosongkan oleh Saad dimenangi tanpa bertanding oleh Datuk Mohd Johari Baharom.

Persidangan perwakilan bahagian itu yang dihadiri 391 perwakilan daripada 128 cawangan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Ketua Umno Bahagian Kubang Pasu.

Dr Mahathir mengekalkan jawatannya tanpa bertanding.

-- BERNAMA

KAY AD ZB